

Purata rizab air capai 4.34 peratus sehari

SHAH ALAM - Purata rizab air Selangor sehingga Disember 2016 adalah 218 juta liter sehari (JLH) iaitu sebanyak 4.34 peratus.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib Zaidy Abdul Talib berkata, unjuran permintaan air adalah berdasarkan kadar kenaikan permintaan tahunan sebanyak 3.5 peratus bagi tempoh unjuran 2017 hingga 2030.

"Selangor mempunyai lapan empangan air dan 32 loji pembersihan air dengan jumlah pengeluaran 5,027 JLH dengan kadar pengeluaran semasa 4,850 JLH.

"Kadar rizab bekalan air berdasarkan sasaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) pula adalah sebanyak 15 hingga 20 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Adun Kampung Tunku, Lau Weng San (DAP-Kampung Tunku) berkenaan margin rizab air Selangor berikutan loji rawatan air yang baharu dibina sudah beroperasi.

Jelas Zaidy (Pas-Taman Templer), sebagai perancang-an Span menetapkan garis panduan bahawa rizab bekalan air yang perlu dicapai oleh operator bekalan air adalah 15 hingga 20 peratus.

"Ia bagi memastikan kelangsungan bekalan air tanpa gangguan kepada



Zaidy ketika memberikan penjelasan mengenai purata rizab air untuk tahun 2016.

pengguna.

"Kerajaan negeri sedang berusaha untuk mencapai sasaran meningkatkan rizab bekalan air mencapai 15 peratus sebagai inisiatif 'water demand planning' berjangka panjang," katanya.

Pada masa sama katanya, kerajaan negeri merancang untuk melaksanakan penurunan kadar 'non revenue water' sekurang-kurangnya satu peratus setiap tahun.

"Antara usaha lain ter-

masuk melaksanakan projek penukaran paip-paip air lama terutamanya di kawasan yang dikategorikan sebagai hotspot.

"Selain itu, melalui kempen penjimatan air, kerajaan negeri menekankan falsafah hijau dalam konservasi air dan penggunaan semula air, manakala Air Selangor dengan kerjasama Span akan meningkatkan kerjasama bagi membendung kecurian air," katanya.